



KEW.PA-24

No. Sebutharga : FAMA/PELUPUSAN 1/2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)  
Bangunan FAMA Point, Lot 17304 Jalan Persiaran 1,  
Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor.

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** atau **orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| BIL | NOMBOR DAFTAR | JENIS MODEL                   | JENIS KENDERAAN (BDM/KG) | LOKASI       | TAHUN BELI | NILAI RIZAB (RM) |
|-----|---------------|-------------------------------|--------------------------|--------------|------------|------------------|
| 1   | WLD 5622      | Mitsubishi Pajero V31V        | PAJERO                   | PULAU PINANG | 2003       | 4,000.00         |
| 2   | TAC 8754      | Lori HICOM Perkasa MTB 140    | LORI 4000 KG             | TERENGGANU   | 2002       | 3,000.00         |
| 3   | TAD 2191      | Lori HICOM Perkasa MTB 170 UV | LORI 7700 KG             | TERENGGANU   | 2002       | 5,000.00         |
| 4   | BFW 6232      | Lori HICOM Perkasa MTB 140    | LORI 4000 KG             | TERENGGANU   | 2000       | 3,000.00         |
| 5   | BHC 795       | Lori Isuzu FSR 33H            | LORI 11000 KG            | KELANTAN     | 2004       | 12,000.00        |
| 6   | QKW 5049      | Daihatsu Delta V116-HA        | LORI 5000 KG             | SARAWAK      | 2004       | 2,300.00         |


2. Aset boleh dilihat pada **6hb Oktober 2017 (Jumaat)** hingga **20hb Oktober 2017 (Jumaat)** hari bekerja di antara jam **8.30 pagi** hingga **4.30 petang** di lokasi yang berkaitan.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (**KEW.PA 25**) yang boleh didapati secara percuma pada waktu pejabat di **Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA, Tingkat 1, Ibu Pejabat FAMA**, semua **Pejabat FAMA Negeri** dan lama web **FAMA** di alamat <http://www.fama.gov.my>. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Butir-butir lanjut boleh didapati melalui No. Telefon **03-61262020** sambungan **Unit Penyelenggaraan Kenderaan**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri (gam) dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 1/2017** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)  
Bilik Pusat Khidmat Pelanggan FAMA  
Tingkat 1, Ibu Pejabat FAMA  
Bangunan FAMA Point, Lot 17304 Jalan Persiaran 1,  
Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor.

5. **Tarikh tutup** sebutharga pada pada **20hb Oktober 2017 (Jumaat)** jam **12.00** tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menurut perintah,



-----  
**(DATO' DR. MAT SANI HASSAN)**

Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan

b/p Ketua Pengarah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank sahaja atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.**
3. Wang Proses sebanyak **RM50.00** adalah diwajibkan dan tidak akan dikembalikan.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan.

11. Lembaga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi ataupun sebarang tawaran sebutharga.
12. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri (gam)** dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 1/2017** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
13. Pegawai dan Kakitangan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **TIDAK DIBENARKAN** menyertai tender ini kerana mungkin wujusnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak. (Rujuk Tatacara Pengurusan Aset FAMA).